

Lebih 13,000 wakaf dikumpul

Oleh Abdul Rahim Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Feb - Usaha murni sebuah perkumpulan yang aktif menyemarakkan aktiviti mengaji Al-Quran menggunakan kaedah 'satu hari satu halaman' melalui media sosial, untuk menghimpunkan sekurang-kurangnya 3,500 naskhah wakaf Al-Quran menerima keberkatan Ilahi apabila berjaya mengumpulkan lebih 13,000 naskhah kitab suci itu dan takhtim berserta rihal.

Sehubungan itu, kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai Kumpulan Meraih Barkah Brunei Darussalam telah menyampaikan sumbangan wakaf berupa naskhah Al-Quran, sejadah, telekung dan penyangkut telekung kepada hospital di keempat-empat daerah di negara ini.

Hadir untuk menyerahkan wakaf kelengkapan surau pada majlis yang diadakan di surau tingkat empat, Bangunan Wad Wanita dan Kanak-kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), hari ini, ialah kira-kira 40 orang

ahli Kumpulan Meraih Barkah yang diketuai oleh Hajah Florinda binti Haji Mejenis.

Pada majlis itu, Hajah Florinda serta beberapa orang ahli kumpulan telah menyerahkan sumbangan wakaf berupa 373 naskhah Al-Quran, 321 helai sejadah, 300 helai telekung dan 25 set penyangkut telekung.

Hadir bagi mewakili Hospital RIPAS untuk menerima masing-masing 100 naskhah Al-Quran, sejadah dan telekung serta 10 set penyangkut telekung ialah Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Haji Muhd Jamal bin Haji Tersad.

Sumbangan wakaf yang berupa masing-masing 100 naskhah Al-Quran, sejadah dan telekung bersama lima set penyangkut telekung juga diserahkan kepada Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait yang diwakili oleh Haji Fadillah bin Haji Aji.

Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong menerima sejumlah 100 naskhah Al-Quran, 70 helai sejadah, 60



Hajah Florinda menyampaikan sumbangan wakaf kepada Haji Muhd Jamal.

helai telekung dan lima set penyangkut telekung, manakala Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong menerima sumbangan 73 naskhah Al-Quran, 51 helai sejadah, 40 helai telekung dan lima set penyangkut telekung.

Menurut Hajah Florinda, sumbangan wakaf kepada surau-surau hospital daerah itu bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pesakit, pelawat dan kakitangan sedang bertugas untuk menunaikan sembahyang sama ada di wad atau pun di surau yang disediakan.

Beliau berkata, jumlah wakaf yang berjaya dikumpulkan oleh Kumpulan Meraih Barkah melebihi sasarannya, sementara lebih baki wang sumbangan yang diterima telah digunakan untuk membeli sebanyak 25 set penyangkut


telekung untuk diagih-agihkan kepada setiap hospital daerah.

Kumpulan Meraih Barkah ditubuhkan pada Ramadan 2014 dengan matlamat untuk meraih berkat dalam bulan Ramadan dengan menyemarakkan aktiviti bertadarus untuk mencapai 100 kali khatam.

Seterusnya pada 2015, aktiviti amal dan wakaf dalam bulan Ramadan diteruskan oleh Hajah Florinda dan ahli-ahli kumpulan, dan antara wakaf yang mereka terima tidak hanya berupa naskhah Al-Quran, buku takhtim dan rihal, malah juga sumbangan wakaf seperti telekung dan sejadah.

Tumpuan sumbangan wakaf yang dikumpulkan sepanjang 2015 ialah kepada sekolah-sekolah yang memerlukan di setiap daerah.

Kata sepakat penting dalam membuat keputusan



Profesor Tar-Ching Aw ketika menjelaskan mengenai kepentingan membuat keputusan yang baik kepada strategi kesihatan awam.

Oleh Pg Fairol RMF

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Feb - Profesor pelawat terkemuka di Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Tar-Ching Aw, petang kelmarin, telah menyampaikan taklimat mengenai membuat keputusan dan persetujuan pendapat pada majlis yang diadakan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah, UBD.

Dalam taklimatnya itu, beliau bercakap mengenai kepentingan membuat keputusan betul bagi strategi-strategi kesihatan awam dan memberikan beberapa contoh isu-isu yang menarik perhatian pelbagai pendapat dan pandangan daripada individu-individu, organisasi dan ahli-ahli masyarakat.

Ini termasuk perjanjian mengenai apa yang merangkumi penyakit pekerjaan, keutamaan untuk kesihatan awam bagi negara-negara membangun dan pemeriksaan kesihatan.

Seperti kebanyakan situasi yang mempunyai pelbagai pandangan

dipegang kukuh yang kadangkala bertentangan, satu pendekatan munasabah untuk mendapatkan kata sepakat adalah diperlukan.

Beliau merujuk kepada beberapa pilihan seperti kajian semula yang ber-sistematik, pendapat-pendapat pakar dan teknik-teknik seperti pendekatan 'Delphi' yang diubahsuai, pembatasan yang ada dalam menggunakan cara-cara tersebut serta manfaat dalam menggunakan penemuan penyelidikan berdasarkan bukti bagi persetujuan pendapat.

Pada masa ini, Profesor Tar-Ching Aw berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan berkhidmat sebagai ketua institut kesihatan umum di Universiti UAE dan juga Pengarah Pusat Kolaborasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi pekerja kesihatan di Timur Tengah.

Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa bengkel pakar kesihatan kerajaan United Kingdom dan memegang jawatan sebagai profesor tambahan di Herbert Wertheim College of Medicine di Universiti Antarabangsa Florida, Miami.

UNISSA terima kunjungan warga UIM



Warga UNISSA bergambar ramai dengan rombongan UIM.

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Feb - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), hari ini, telah menerima kunjungan rombongan dari Universiti Islam Malaysia (UIM) dalam rangka untuk mengadakan koordinasi dan kolaborasi setelah termeterainya memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada 27 Mei 2015 di UNISSA.

Menurut UNISSA, kunjungan ini merupakan kesinambungan daripada perbincangan-perbincangan melalui sesi perjumpaan antara Presiden UIM dan Rektor UNISSA yang lalu.

Perbincangan tersebut adalah bagi menjalinkan rangkaian kerja antara kedua-dua belah pihak khususnya dalam bidang Perundangan Islam, Kewangan Islam, *Comparative Heritage* dan penganjuran bersama persidangan/seminar dan sebagainya.

Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohd Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad

telah mempengerusikan perjumpaan ini dengan mengalu-alukan kedatangan rombongan dan berharap perjumpaan ini akan dapat merealisasikan program-program usaha sama kedua institut pengajian tinggi (IPT) yang boleh mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Kunjungan rombongan UIM diketuai oleh Dekan Akademik dan Perhubungan Antarabangsa, Prof. Dr. Mohamad Abdul Hamid dan diiringi oleh Pengarah Global Wisdom Academy, Prof. Datuk Dr. Noor Inayah Yaakub.

Antara tujuan kunjungan adalah untuk membincangkan secara terperinci kerjasama yang boleh dilaksanakan pada tahun ini di samping membuat perancangan aktiviti-aktiviti akademik dan penyelidikan bersama.

Turut hadir ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, para pengarah dan pegawai UNISSA.